

08 FEBRUARI 2018

ATS makin popular

Tahun	Jumlah penagih	Penagih baru	Penagih berulang
2017	24,279	17,405	6,874
2016	30,844	22,923	7,921

ATS makin popular

Kuala Lumpur: Penggunaan dadah jenis 'Amphetamine Type Stimulants' (ATS) terus 'popular' dalam kalangan penagih dengan mencatatkan peningkatan penggunaan untuk tiga tahun berturut-turut termasuk yang terbaru, peningkatan 36.6 peratus sepanjang Januari hingga Disember tahun lalu.

Peningkatan itu begitu drastik berbanding empat lagi jenis dadah lain yang mencatatkan penurunan ketara bagi tempoh sama tahun lalu itu hasil dapatan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) berhubung penggunaan jenis dadah sepanjang tahun lalu dan peningkatan penggunaan itu turut direkodkan pada 2015 serta 2016 dengan peningkatan 156.1 peratus.

Ketua Pengarah AADK Datuk Dr Abdul Halim Mohd Hussin berkata, sejak tiga tahun lalu bermula 2015 hingga 2017, trend peningkatan penggunaan dadah jenis ATS itu begitu drastik berbanding dadah jenis lain.

"Jika dibandingkan pada tahun lalu, empat lagi jenis dadah iaitu opiat, heroin dan morfin, methamphetamine, ganja dan pil psikotropik (eramin 5 dan benzodiazepine) mencatatkan penurunan.

"Trend peningkatan dadah jenis ATS ini bermula sejak 2015 lagi hingga tahun lalu. Kita melihat faktor peningkatan ini antara lain berkait rapat dengan dadah jenis itu agak mudah untuk didapati di pasaran.

"Selain itu, dadah jenis ATS adalah 'popular' dalam kalangan beraib berbanding dadah jenis konvensional seperti opiat mahu pun ganja," katanya.

Sentiasa ada pelanggan ataupun penagih beli dadah di situ. Penduduk di kawasan ini semua tahu dan bimbang dengan apa yang berlaku terutamanya pengaruh negatif kepada remaja dan pelajar sekolah"

Sumber